



**LAPORAN KUNJUNGAN DELEGASI NCER
KE POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

Disediakan oleh : Dr. Nor Hatizal Binti Amarul Shah

Pada tanggal 16 November 2020 yang lalu, Unit CISEC Politeknik Seberang Perai telah menerima kunjungan daripada wakil Northern Corridor Economic Region (NCER). Kunjungan wakil delegasi NCER bertujuan untuk memberikan penerangan mengenai program- program yang bakal dilaksanakan oleh Northern Corridor Economic Region (NCER). Perbincangan dimulai dengan penerangan mengenai latar belakang NCER dan 4 negeri yang termasuk dalam lingkungan NCER iaitu negeri Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dan penekanan kepada *High Impact Project* di empat-empat negeri dalam lingkungan tersebut. Organisasi NCER turut membincangkan mengenai peranan Perdana Menteri Malaysia sebagai pemimpin yang mengetuai organisasi NCER dan ahli-ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Menteri Besar dikeempat2 negeri tersebut. Penerangan diteruskan dengan menekankan fungsi Program NCER yang bertujuan untuk memulihkan semula ekonomi negara sebagai langkah mendepani situasi masalah pandemic covid 19. Matlamat utama program NCER adalah untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2021 melalui kaedah pengembangan Dasar Fiskal iaitu dengan cara meningkatkan perbelanjaan kerajaan dengan harapan dapat meningkatkan kesan pengganda yang tinggi dalam pendapatan negara. Perbincangan diteruskan dengan penerangan mengenai Rangka Pembangunan Strategi NCER dan Strategi Infrastruktur dan Logistik yang bakal mencipta ribuan tenaga kerja yang diperlukan. Harapan NCER agar PSP turut serta bersama2 berusaha menawarkan tenaga kerja yang sesuai dengan projek NCER disamping boleh berkongsi maklumat

sekiranya diperlukan oleh para pelabur projek NCER. Pihak NCER juga berhasrat untuk berhubung lebih lanjut dengan menandatangani sijil kolaborasi dengan pihak PSP.



Perbincangan bersama Pengarah Politeknik Seberang Perai, Sr. Harith Fadzilah Bin Abd Khalid



Bergambar Bersama Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Ketua Jabatan dan Ketua Unit Politeknik Seberang Perai